

27 APR 1996

ITM-Mahathir

MAHATHIR RASMI ITM CAWANGAN MELAKA 2 MEI

SHAH ALAM, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kampus tetap Institut Teknologi Mara (ITM) cawangan Melaka di Lendu pada 2 Mei ini.

Penolong Pendaftar Perhubungan Awam ITM Encik Karim Kasnan berkata, Dr Mahathir akan melakukan upacara perasmian itu sempena lawatan rasmi beliau ke Melaka selama dua hari pada 2 dan 3 Mei ini.

"Perasmian kampus tetap ini oleh Perdana Menteri menjadi ilham dan pendorong untuk mendokong cita-cita Wawasan 2020 di kalangan seluruh warga ITM, khususnya ITM Melaka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

ITM Melaka yang bermottokan "Beriltizam Ke Arah Kecemerlangan" secara umumnya cemerlang dengan mencatatkan peratus kelulusan tanpa syarat yang paling tinggi dalam sistem ITM, kata beliau.

Beliau berkata kampus tetap di Lendu, di pertengahan antara bandar Masjid Tanah dan Alor Gajah itu, mendekatkan lagi matlamat kewujudan ITM sebagai "Kampus Bersama Masyarakat".

Karim berkata sejarah ITM Melaka bermula dari kampus sementara di Bangunan Institut Kemahiran Mara di Jalan Hang Tuah, Melaka pada Ogos 1994 dengan lima pensyarah, 32 kakitangan dan 158 pelajar diploma pentadbiran awam, pengajian perniagaan, perakaunan dan sains kesetiausahaan.

Kampus tetap di Lendu di tapak seluas 143 hektar itu terdiri daripada bangunan pentadbiran, bangunan akademik, empat buah dewan kuliah, tujuh buah asrama pelajar, kompleks sukan, perpustakaan, klinik dan kemudahan lain seperti pejabat pos dan bank.

Kampus itu dikendalikan 113 kakitangan akademik, 141 kakitangan bukan akademik dengan 2,826 pelajar termasuk 2,140 pelajar sepenuh masa, 638 pelajar pengajian jarak jauh dan 48 pelajar luar kampus dalam lapan kursus peringkat diploma, sijil dan diploma lanjutan.

Menurut Karim, ITM Melaka juga terlibat dalam beberapa kajian dan khidmat rundingan dengan Kerajaan Negeri termasuk dalam kajian untuk mewujudkan sistem maklumat strategik bersepadu negeri Melaka. -- BERNAMA

MNY PR